

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JULAI 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 6

### Ekonomi Madani tambah baik KDNK – TPM

**Ekonomi Madani tambah baik KDNK - TPM**

**SHAH ALAM** - Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) bersedia untuk mengorak langkah melalui penajaran program dan aktiviti kementerian bagi menyokong aspirasi Ekonomi Madani.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, penguruman Ekonomi Madani oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim itu merupakan satu tekad yang diyakini mampu untuk melonjakkan ekonomi serta menambah baik Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

"Dengan krisis makanan yang dihadapi dunia, adalah penting untuk negara terus mengatur strategi supaya tidak bergantung semata-mata kepada penghasilan komoditi di peringkat huluan tetapi turut mempelbagaikan produk hiliran bernilai tambah tinggi.

"Selaras dengan hasrat Perdana Menteri untuk mengoptimumkan penggunaan tanah perlادangan sedia ada, KPK melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia

(MPOB) mempergat penghasilan baka sawit hibrid yang dapat menghasilkan minyak lebih banyak dengan menggunakan keluasan tanah terhad," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Ujar Fadillah yang juga Menteri Perladangan dan Komoditi itu, MPOB sebagai institusi penyelidikan dan pembangunan (R&D) juga akan terus memastikan bahawa produk sawit yang dihasilkan sentiasa berkualiti serta mampan, mengambil kira cabaran masa kini yang dihadapi terutamanya penolakan Eropah atas dakwaan pelbagai isu seperti peyahutanan dan keselamatan makanan.

Menurutnya, sektor agrikomoditi memainkan peranan penting untuk ekonomi negara, mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan serta meningkatkan KDNK.

"Dalam hal ini, industri ini akan terus diperkasa melalui pelbagai inisiatif yang akan diperkenalkan kementerian.

"Hasrat untuk mencipta kekayaan baharu negara melalui aset sedia ada seperti biodiversiti dalam pasaran perdagangan karbon sektor agrikomoditi akan turut diberi perhatian.

"Usaha pemuliharaan dan perhutanan semula yang dilaksanakan adalah bukti bahawa Malaysia amat menitikberatkan pemuliharaan sumber hutan bagi mengekalkan kemapanan alam sekitar," ujarnya.

**“Dengan krisis makanan yang dihadapi dunia, adalah penting untuk negara terus mengatur strategi supaya tidak bergantung semata-mata kepada penghasilan komoditi.”**

- Fadillah

